

# Siasat aktiviti tangkap ikan guna bahan terlarang

AM 12/10/24 MIS 3

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perikanan akan menjalankan siasatan berhubung video tular mengenai aktiviti tangkapan ikan dipercayai ada unsur mencurigakan dan didakwa melanggar undang-undang apabila menggunakan bahan dilarang seperti yang mendapat perhatian di media sosial sejak kemarin.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia Datuk Adnan Hussain berkata, pihaknya memandang serius perkara itu dan akan mendapatkan maklumat sahih berkaitan aktiviti itu serta lokasinya supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

"Perkara itu amat mendukacitakan kerana ada pihak rakus yang mengeksploitasi sumber perikanan tanpa kawalan dan menggunakan kaedah yang tidak sepatutnya (jika ia benar berlaku dan melanggar peraturan ditetapkan).

"Kita memandang serius

perkara itu walaupun tiada maklumat jelas berhubung kaedah tangkapan, lokasi dan bila kejadian berlaku. Kita sedang menilai tindakan bersesuaian berhubung perkara ini," katanya ketika dihubungi Harian Metro semalam.

Sementara itu, Persatuan Haiwan Malaysia meminta pihak berkaitan menjalankan siasatan menganalisis perkongsian video aktiviti tangkapan ikan dipercayai ada unsur mencurigakan dan melanggar undang-undang menggunakan bahan dilarang.

Dalam kenyataannya di Facebook (FB), persatuan berkenaan juga menegaskan individu dalam video itu juga perlu tampil untuk memberi penjelasan sama ada betul atau tidak dakwaan dalam beberapa hantaran media sosial mengenai tangkapan ikan dilakukan terdapat unsur mencurigakan dan secara melanggar undang-undang menggunakan bahan dilarang.



**HASIL** tangkapan sekumpulan individu yang dipercayai ada unsur mencurigakan dan didakwa melanggar undang-undang apabila menggunakan bahan dilarang.